

SIRAH TAHUN 6
PERANAN, JASA & SUMBANGAN SAIDINA ABU BAKAR AS SIDDIQ.

Nyatakan “**BETUL**” pada pernyataan yang benar dan nyatakan “**SALAH**” pada pernyataan yang tidak benar.

Contoh:

a)	Saidina Abu Bakar As Siddiq merupakan khalifah Islam yang pertama.	BETUL
----	--	--------------

1.	Saidina Abu Bakar As Siddiq dapat menawan hati rakan-rakannya untuk memeluk Islam.	
2.	Saidina Abu Bakar As Siddiq adalah orang yang mendustakan kisah Israk dan Mikraj.	
3.	Beliau menemani Rasulullah S.A.W. ketika berhijrah ke Madinah pada waktu malam serta bersama-sama Baginda menghadapi cabaran.	
4.	Beliau tidak sanggup mengorbankan harta dan nyawanya demi mempertahankan Rasulullah S.A.W. dan agama Islam.	
5.	Beliau meneruskan wasiat Rasulullah S.A.W. mengenai tentera Usamah yang diketuai oleh Usamah Bin Zaid ke sempadan Syam.	
6.	Saidina Abu Bakar As Siddiq memerangi orang-orang Islam yang murtad.	
7.	Saidina Abu Bakar As Siddiq memerangi orang yang ingkar membayar zakat.	
8.	Saidina Abu Bakar As Siddiq memerangi golongan nabi palsu.	
9.	Beliau memerintahkan supaya ayat-ayat Al Quran dikumpulkan kerana para Hafiz ramai yang syahid di medan perang.	
10.	Beliau memperluaskan pengaruh dan jajahan pemerintahan Islam ke semenanjung Arab termasuk penaklukan Syam dan Iraq.	